

Philosophy of Malay Literature Education: A Preliminary Explanation

Muhammad Zarif Hassan @ Zulkifli^{1*}, Nurul Hidayah Khirul Zaman²

Department of Humanities and Language Studies, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, UPM Serdang, Malaysia, ²King Henry College, Persiaran Bestari Cyber 11, Cyberjaya, Malaysia

*Corresponding Author Email: zarif@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v15-i4/25334> DOI:10.6007/IJARBSS/v15-i4/25334

Published Date: 26 April 2025

Abstract

The formulation of the Malay Literary Education Philosophy statement can be perceived as an effort to make the objectives of Malay Literary Education clearer and more directed. However, the absence of an elaboration on this statement is said to have caused and continues to cause negative effects, particularly leading to either a narrow or overly broad interpretation among teachers who serve as the implementing agents of the national education policy. To date, the relevant authorities have yet to provide an explanation for this philosophical statement. Due to this gap, this study is conducted with two main objectives: to identify the basic concepts of the Malay Literary Education Philosophy and to elaborate on three fundamental concepts within it. This study applies an authority-defined approach, where ideas, definitions, and discussions on a particular matter or concept refer to interpretations put forth by the most authoritative sources. This initial elaboration encompasses three fundamental concepts in the Malay Literary Education Philosophy, which are also emphasized in the National Education Philosophy: mind, spirituality, and emotions.

Keyword: National Education Philosophy, Philosophy of Malay Literature Education, Mind, Spiritual, Emotion

Pengenalan

Sebelum abad ke-21, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) tidak mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Keperluan untuk merangka suatu pernyataan falsafah khusus bagi mata pelajaran sastera Melayu sebenarnya telah diutarakan oleh beberapa penyelidik terdahulu antaranya Zam (1983), Salleh (1989), Ahmad (1989) dan Sudin (1993). Menyedari akan kekurangan itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) telah merangka suatu pernyataan falsafah bagi mata pelajaran KM yang mula diutarakan pada tahun 2003 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2003a). Pernyataan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu

(FPKM) dalam mata pelajaran KM yang digunapakai sehingga ke hari ini adalah seperti berikut:

Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani, dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari.

(Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018)

Kewujudan pernyataan FPKM ini memperlihatkan suatu gambaran refomasi yang ketara dalam pendidikan KM. Secara dasarnya, penzahiran FPKM memberikan kesan perubahan dalam mata pelajaran KM dari sudut konseptual mahu pun sudut praktikal. Ini bermakna hampir keseluruhan proses dan aktiviti pendidikan KM yang melibatkan komponen kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan pengurusan perlu dilaksanakan sejajar dan menepati hasrat FPKM. Dalam hal ini, Pusat Perkembangan Kurikulum (2003a) menjelaskan bahawa sukatan mata pelajaran KM telah pun disemak serta diselaraskan dengan pernyataan FPKM di samping dirangka semula bagi “memenuhi perubahan dalam dunia pendidikan selaras dengan era globalisasi”.

Seterusnya, selari dengan kefahaman asas bahawa falsafah pendidikan merupakan usaha untuk memikirkan segala perkara yang paling penting dalam konteks pendidikan, pernyataan FPKM dirangka dan dirumus berdasarkan konsep-konsep asas penting yang diselaraskan dengan hasrat pendidikan negara. Dapat dikatakan bahawa pernyataan FPKM ini dirangka secara bersepadu bagi membolehkan mata pelajaran KM mencapai matlamat pendidikannya yang tersendiri. Oleh yang demikian, segala proses serta aktiviti pendidikan melalui kurikulum KM perlu diusahakan secara sinte bagi memenuhi intipati penting dalam pernyataan FPKM tersebut.

Sementara itu, sejajar dengan sifat FPKM yang baharu dalam konteks mata pelajaran KM, perbincangan mengenai pernyataan FPKM sememangnya belum mendapat perhatian yang meluas daripada para penyelidik. Sehingga ke hari ini, belum ada sebarang kajian atau perbincangan yang membahaskan pernyataan FPKM secara jelas, terperinci dan menyeluruh melainkan usaha segelintir individu seperti Chew Fong Peng (2008) dan Naffi Mat (2009) yang hanya membincangkan tentang FPKM secara ringkas sahaja. Dalam membahaskan hal ini, pernyataan FPKM dijelaskan “berbunyi sempurna dan bermatlamat besar” (Peng, 2008) serta mempunyai “paksi kekuatan tersendiri yang mencerminkan wawasan dan hasrat negara iaitu melahirkan insan yang berilmu pengetahuan dalam kehidupan” (Mat, 2009). Selain itu, pernyataan FPKM dinyatakan mengandungi lima paksi utama dalam FPKM iaitu menjana minda dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa, memupuk sikap berdaya saing dan pembinaan insan bestari (Mat, 2009). Tambahan lagi, Peng (2008) dan Mat (2009) menegaskan bahawa intipati FPKM tidak dapat dijelmakan secara jelas dalam kurikulum kerana kurikulum KM terlalu memberi penekanan terhadap pendekatan struktural atau formalistik.

Permasalahan Kajian

Suatu pernyataan falsafah yang jelas dan benar mampu menjadi neraca panduan bagi pelbagai peringkat golongan seperti para perangka dasar pendidikan, perangka kurikulum, penulis buku teks, pentadbir, guru, ibu bapa dan pelajar. Harus diakui bahawa kewujudan

pernyataan FPKM dalam mata pelajaran KM hanyalah usaha pada peringkat permulaan dalam mencapai matlamat falsafah tersebut. Permasalahan yang besar dalam pelaksanaan falsafah ialah soal penafsiran yang ilmiah, jelas dan benar. Dalam hal ini, Daud (2022) menegaskan bahawa pernyataan falsafah yang jelas dan benar berupaya “mengurangkan percanggahan tafsiran dan amalan yang boleh dan telah menimbulkan banyak kekeliruan dan kerugian” dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Walau bagaimanapun, sehingga kini, usaha penafsiran pernyataan FPKM belum pernah diusahakan oleh mana-mana pihak lagi. Perbahasan yang dikemukakan oleh Peng (2008) dan Mat (2009) hanya menyentuh soal kurikulum tanpa membahas terlebih dahulu intipati FPKM, yang sewajarnya diberikan keutamaan dalam membincangkan kurikulum KM. Walau bagaimanapun, harus diakui bahawa konsep-konsep asas dalam pernyataan FPKM seperti yang dinyatakan di atas merupakan konsep-konsep asas yang telah pun dibahasakan secara meluas oleh para penyelidik. Ini kerana konsep asas seperti menjana minda atau intelektualisme, rohani, emosi, jati diri, dan kebudayaan kebangsaan bukanlah suatu subjek perbahasan yang asing dalam dunia penyelidikan. Namun begitu, perlu dipertegas bahawa perbahasan konsep-konsep asas tersebut ditangani dalam skop yang berasingan (*fragmented*) dan tidak dibahasakan secara sepadu melalui bingkai kerangka falsafah dan pendidikan KM. Hal ini dengan sendirinya memperlihatkan suatu lompong yang menuntut kepada suatu kajian khusus untuk dilaksanakan.

Yang paling mendasar sekali, bermula secara rasminya pada tahun 2003 sehingga ke masa ini, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang menjadi badan yang bertanggungjawab merangka FPKM tidak pernah menyediakan suatu dokumen rasmi dan khusus mengenai penghuraian FPKM. Apatah lagi, pernyataan FPKM secara rasminya telah digunakan hampir lebih daripada 20 tahun dalam sistem pendidikan kebangsaan. Hal ini secara jelas memperlihatkan kelompongan besar yang perlu ditangani secara serius. Dalam konteks ini, huraian terhadap pernyataan FPKM wajar dilakukan. Ini penting untuk dijadikan sebagai panduan serta kefahaman asas bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan dan kesilapan penafsiran kepada semua pihak yang terlibat dalam pendidikan KM, sama ada secara langsung atau pun tidak langsung (Hassan, 2015).

Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dibincangkan, kajian menetapkan beberapa objektif penting sebagai matlamat kajian, antaranya:

- 1) Mengetahui konsep asas yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu.
- 2) Menghuraikan tiga konsep asas Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini pada asasnya berusaha untuk menghuraikan konsep-konsep asas yang terdapat dalam pernyataan FPKM sebagai satu usaha awal. Dalam kajian yang lain, pengkaji telah mengenal pasti terdapat enam konsep asas yang terdapat di dalam pernyataan FPKM iaitu konsep (i) penjanaan minda; (ii) penjanaan rohani; (iii) penjanaan emosi; (iv) pengukuhan jati diri; (v) pemupukan budaya bangsa; dan (vi) pemupukan sikap berdaya saing (Hassan et.al, 2022). Perbahasan mengenai keseluruhan konsep tersebut sememangnya memerlukan suatu ruang perbahasan yang luas, oleh yang demikian kajian ini membataskan fokus penghuraian

hanya kepada tiga konsep asas sahaja iaitu konsep (i) menjana minda, (ii) rohani dan (iii) emosi. Pembatasan ini dilihat signifikan kerana tiga konsep asas tersebut merupakan konsep asas penting yang terkandung dalam pernyataan FPK (Hassan et al., 2022). Fokus kajian tidak diberikan kepada konsep asas yang lain yang terkandung dalam pernyataan FPKM memandangkan perbincangan yang lebih komprehensif boleh diusahakan melalui suatu penyelidikan lain yang lebih khusus.

Pendekatan Kajian

Seterusnya, dalam usaha menghuraikan konsep-konsep asas dalam pernyataan FPKM, kajian ini memanfaatkan pendekatan konsep *authority-defined* yang dikemukakan oleh Baharuddin (2007). Melalui pendekatan ini, segala idea, takrifan dan perbincangan mengenai sesuatu perkara atau konsep akan merujuk kepada penafsiran yang diketengahkan oleh pihak paling berwibawa (*authority*) seperti pihak yang berkuasa yakni kerajaan, pertubuhan formal, pemimpin yang berwibawa dan penerbitan yang dihasilkan sebagai rujukan umum (Baharuddin, 2007). Dengan itu, usaha penghuraian FPKM dalam kajian ini akan disandarkan kepada tafsiran pihak yang berwibawa khususnya KPM serta diperkukuhkan dengan beberapa pandangan tokoh serta kajian lepas yang signifikan dan relevan.

Konsep Asas Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM)

Dalam satu tulisannya, Mat (2009) menjelaskan terdapat lima konsep asas yang terkandung dalam pernyataan FPKM. Terdapat kekeliruan yang dikemukakan oleh Mat (2009) berkaitan konsep FPKM. Pusat Perkembangan Kurikulum (2003b) dengan jelas menggariskan enam konsep asas bukannya hanya lima konsep asas dalam FPKM. Perbincangan berkaitan enam konsep asas ini telah pun dibahaskan oleh Hassan et al. (2022). Dalam penelitiannya, Hassan et al. (2022) menjelaskan bahawa terdapat enam konsep yang menjadi dasar kepada pembentukan FPKM iaitu:

- i. penjanaan minda;
- ii. penjanaan rohani;
- iii. penjanaan emosi;
- iv. penyuburan budaya bangsa;
- v. pengukuhan jati diri,
- vi. pemupukan sikap berdaya saing

Menurut Hassan et al. lagi, keenam-enam konsep ini disepadukan untuk mencapai matlamat utama atau matlamat dasar FPKM iaitu melahirkan insan bestari melalui pelaksanaan pendidikan Kesusasteraan Melayu. Faham konsep “insan bestari” ini secara kesimpulannya merujuk kepada “insan yang berilmu dan berakhlak mulia”, dan matlamat ini juga terkandung dalam matlamat penting Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu falsafah yang menunjangi keseluruhan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia.

Huraian Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM)

Perangkaan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM) dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5 (KM) merupakan suatu usaha yang baharu dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pernyataan FPKM yang dirangka oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018) dalam mata pelajaran KM sehingga kini adalah seperti berikut:

Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia bertujuan untuk menjana minda, rohani, dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari.

Pernyataan FPKM dilihat bersifat lebih khusus berbanding pernyataan FPK yang berfungsi secara menyeluruh bagi sistem pendidikan di Malaysia. Melalui pernyataan FPKM, terdapat bilangan konsep asas yang menjadi dasar kepada falsafah tersebut yang dapat dibahagikan kepada enam konsep iaitu konsep menjana minda, rohani, emosi, pengukuhan jati diri, penyuburan budaya bangsa dan pemupukan sikap ke arah pembinaan insan bestari. Keseluruhan konsep asas yang terjelma di dalam pernyataan FPKM bukanlah konsep yang terpisah antara satu sama lain, malah saling lengkap melengkapi dan berhubungkait secara sepadu. Penekanan terhadap kesepaduan ini sememangnya merupakan strategi yang dilaksanakan oleh KPM dalam membina sesuatu dasar pendidikan (Hassan, 1988; Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992; Adnan, 2000).

Sungguh pun terdapat enam konsep asas yang mendasari pernyataan FPKM, penting untuk dipertegas bahawa daripada jumlah tersebut, masih terdapat konsep-konsep asas yang lebih penting dan menjadi tunjang kepada pernyataan FPKM. Jelasnya, konsep-konsep tersebut merujuk kepada tiga konsep yang lebih mendasar iaitu konsep menjana minda, rohani dan emosi berbanding konsep-konsep yang lain. Ini dapat dinilai dan dibuktikan melalui wujud persamaan dan penekanan terhadap ketiga-tiga konsep tersebut dalam pernyataan FPKM dan FPK. Hal ini memperlihatkan bahawa ketiga-tiga konsep asas yang terdapat dalam pernyataan FPK dan FPKM menjadi konsep yang lebih penting untuk diberikan penekanan berbanding konsep-konsep yang lain. Di samping itu, perletakan tiga konsep asas tersebut dalam pernyataan FPKM membuktikan bahawa pihak bertanggungjawab, khususnya KPM, merangka pernyataan FPKM sejajar dan saling memperkuat pernyataan FPK.

Seperti yang telah dijelaskan pada bahagian pengenalan, perbincangan mengenai pernyataan FPKM masih belum mendapat perhatian yang menyeluruh dan ini secara jelas membangkitkan lompong perbincangan yang perlu diisi secara lebih serius. Dalam usaha memenuhi lompong tersebut, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menghuraikan dan menafsirkan beberapa konsep-konsep asas yang terdapat dalam pernyataan FPKM. Seperti yang telah dinyatakan pada bahagian batasan kajian, kajian ini akan berusaha membahaskan hanya tiga konsep asas FPKM iaitu konsep menjana minda, konsep rohani dan konsep emosi. Penghuraian akan dimulakan dengan konsep menjana minda dan seterusnya konsep rohani dan emosi.

Huraian Konsep Menjana Minda Dalam Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM)

Salah satu daripada konsep asas yang diberikan penekanan dalam mata pelajaran KM melalui pernyataan FPKM ialah konsep menjana minda. Penekanan terhadap konsep ini dilihat penting sebagai asas kepada perkembangan potensi pelajar bagi melahirkan insan yang berilmu pengetahuan tinggi selaras dengan matlamat FPK (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Perkembangan kognitif secara menyeluruh perlu diusahakan agar proses penjanaan minda dan intelek para pelajar dapat dipertingkatkan selaras dengan penekanan dalam konteks KBSM (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Dari sudut falsafah pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menjelaskan bahawa proses menjana intelek atau minda didasari oleh konsep ilmu yang benar serta ilmu yang bermanfaat. Ilmu dari segi puncanya merujuk kepada sumber tertinggi iaitu Tuhan Maha Pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Kenyataan tersebut jelas memperkukuhkan pandangan Al-Attas (1978) yang menegaskan bahawa punca asal perolehan ilmu itu daripada Allah SWT. Selanjutnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menjelaskan ilmu dijelaskan terbahagi kepada dua. Pertama, ilmu wahyu yang terkandung dalam kitab-kitab agama sebagai contoh kitab suci Al-Quran bagi umat Islam. Ilmu jenis kedua merujuk kepada ilmu akal yang bersumberkan diri insan, alam semesta serta sejarah kehidupannya. Kesepaduan ilmu pertama dengan ilmu kedua menjadi jaminan kebahagiaan hidup manusia. Sehubungan itu, pertalian antara akal atau minda dengan keagamaan yang diperolehi daripada wahyu merupakan kesepaduan yang tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain

Seterusnya, Hassan (2023) menegaskan bahawa ilmu yang benar dari sudut hakikinya dalam pengertian Islam adalah kenalnya manusia kepada Allah SWT melalui tanda-tanda yang diperlihatkan-Nya kepada manusia, dan betul tafsiran manusia kepada makna tanda-tanda itu. Malah konsep ilmu yang benar berkait secara rapat dengan soal keyakinan pegangan atau iktikad seseorang. Ismail (2009) menjelaskan hubungan antara keyakinan dengan ilmu begitu erat hinggalah yang satu tidak mungkin ada tanpa satu lagi. Ilmu yang benar itu merujuk kepada pegangan atau kesimpulan yang memiliki tiga ciri atau sifat iaitu bertepatan dengan hakikat yang berlaku (*al-mutābiq [li al-wāqī]*); kukuh dan pasti (*al-jāzim*); dan bersandarkan bukti yang munasabah (*al-thābit*). Kesepaduan tiga ciri tersebut yang membentuk ilmu itu bersifat organik dan tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain.

Selanjutnya, konsep menjana minda atau intelek dalam konteks FPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992) dicirikan seperti berikut:

- i. sikap sentiasa berusaha untuk mencari dan meningkatkan ilmu;
- ii. daya pemikiran yang logik, analitis, kreatif dan inovatif; dan
- iii. usaha memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain serta masyarakat.

Ketiga-tiga ciri tersebut dilihat saling berhubungkait antara satu sama lain dan diusahakan secara sepadu bagi memungkinkan proses menjana minda dapat dilaksanakan dengan optimum dalam proses pelaksanaan pendidikan KM.

(i) Sikap Berusaha Mencari dan Mempertingkatkan Ilmu Pengetahuan

Konsep menjana minda secara asasnya diperkukuhkan melalui sikap berusaha mencari dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan. Penekanan terhadap ciri ini dalam konsep menjana minda bertepatan dengan matlamat pendidikan negara yang berhasrat melahirkan masyarakat yang gemar membaca, mencintai ilmu pengetahuan dan sentiasa berusaha untuk menambah ilmu pengetahuannya (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Ciri ini selari dengan pandangan Daud (2019) yang menyatakan tujuan utama pendidikan ialah melahirkan rasa cinta terhadap ilmu dan bertanggungjawab untuk mencari dan mengembangkannya sebagai syarat penting kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tegasnya lagi, budaya ilmu yang sebenar akan membuka peluang kepada pelajar dan masyarakat untuk mencari ilmu demi memperoleh kecemerlangan, betapa pun rendah taraf sosioekonomi pelajar itu. Oleh yang demikian, kepentingan usaha mencari ilmu ini perlu diutamakan lantaran ilmu berperanan

mengeluarkan seseorang insan daripada kegelapan dan kejahilan, serta menuju kepada kebenaran dalam kehidupan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Selanjutnya, seseorang manusia dilihat sebagai makhluk yang aktif dalam usaha mendapatkan ilmu (Daud, 2019). Proses pencarian ilmu dan pemikiran merupakan suatu proses spiritual yang dilihat sebagai proses perjalanan jiwa untuk mencapai makna yang sebenar dalam kehidupan (Daud, 2006). Manusia dilihat memberi makna terhadap kehidupannya supaya hidupnya menjadi lebih bererti dan hal ini tidak mungkin dilaksanakan tanpa ilmu (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Sehubungan itu, sikap individu atau masyarakat yang mementingkan budaya ilmu akan meletakkan nilai ilmu sebagai kebaikan utama dan asas bagi segala kebaikan lain (Daud, 2019). Tambahan lagi, kegigihan serta keikhlasan dalam memperkukuhkan kepentingan nilai ilmu secara tidak langsung akan melahirkan pemberatan kepada pendidikan sebagai kaedah utama (Daud, 2019). Selain itu, kepentingan menuntut ilmu bertujuan memupuk potensi dan perkembangan individu secara menyeluruh yang dapat memahami erti kemuliaan, warisan budaya bangsa, amalan dan rasa persefahaman sejagat (Alias, 2005). Usaha mempertingkatkan ilmu pengetahuan melalui pendidikan merupakan suatu usaha yang berterusan melalui agen-agen dan program-program pendidikan yang formal, tidak formal mahupun bukan formal (Ahmad, 1991).

Justeru, proses mencari dan mempertingkatkan ilmu ini perlu dilakukan secara berterusan dan sebagai suatu bentuk kewajiban pada diri setiap insan (Daud, 2019; Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001). Ini selari dengan usaha Pusat Perkembangan Kurikulum (2001) yang menerapkan konsep 'Pendidikan Sepanjang Hayat' dalam sistem pendidikan bagi membolehkan seseorang menyesuaikan diri dengan tuntutan perubahan dalam kehidupan. Oleh yang demikian, pernyataan terhadap keutamaan ilmu pengetahuan sebagai tujuan hidup individu dan masyarakat terutamanya dalam dasar pendidikan kebangsaan di semua peringkat perlu ditegaskan (Daud, 2019). Keprihatinan terhadap ilmu ini penting kerana sikap ini melibatkan pelbagai proses pembangunan intelek yang meliputi analisis, kreativiti, penghayatan, pengalaman, serta pembangkitan kesedaran dalam memperbaiki kehidupan seseorang insan khususnya dalam bidang pendidikan (Ahmad, 1991)

(ii) Daya Pemikiran Logik, Kreatif dan Inovatif

Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menjelaskan bahawa konsep menjana minda dalam konteks falsafah pendidikan diperkukuhkan antaranya melalui penekanan kepada daya pemikiran yang logik, kreatif dan inovatif. Dalam mata pelajaran KM, penekanan terhadap ciri ini berhubung secara rapat dengan soal isi mata pelajaran KM yang diperolehi daripada teks-teks sastera Melayu. Ini kerana teks-teks kesusasteraan boleh berfungsi untuk mempertingkatkan kemahiran berfikir yang tinggi (Beck, 1989; Rokimin, 1997). Hal ini selari dengan pandangan Yarlott dan Harpin (1971) yang menjelaskan bahan kesusasteraan boleh meluaskan pemikiran dan ufuk imaginasi pelajar bagi membantu membuat pertimbangan yang wajar. Tambahan pula, Rajendran (2000) menyatakan bahan kesusasteraan mampu menawarkan peluang kepada pelajar untuk meramal, merumus, menganalisis, membuat inferens, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah pada tahap fikiran aras tinggi melalui pemanipulasian maklumat-maklumat dalam karya sastera.

Penekanan terhadap daya pemikiran yang logik dalam pendidikan penting lantaran ia berperanan sebagai undang-undang atau kaedah berfikir yang ampuh sekali gus mampu

memelihara manusia daripada kesalahan berfikir terhadap perangkat-perangkat berfikir yang boleh mengelirukan dan menyesatkan seseorang (Muhammad, 1997; Shahrin, 2000). Selain itu, penekanan terhadap daya pemikiran logik dalam mengukuhkan konsep menjana minda penting kerana berguna untuk mencari mengenal pasti dan memahami premis masalah; mencari perkaitan sebab-akibat antara sesuatu perkara dengan suatu perkara yang lain; menilai cara-cara penyelesaian masalah; dan membuat kesimpulan tentang sesuatu perkara (Hamid, 2001 2004; Abdullah, 2005). Tambahan pula, daya pemikiran logik berupaya mengembangkan potensi intelektual ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang saintifik (Muhammad, 1997). Dalam pengetahuan saintifik, pemikiran logik mempunyai hubungannya dengan pemikiran rasional yang berakar daripada konteks falsafah pendidikan. Hal ini dipertegas oleh Daud (2022) bahawa berfikir secara rasional bermakna “menggunakan akal bagi membuahkan pendapat yang tidak bercanggah dengan kaedah pemikiran yang betul atau logikal, munasabah dan berasas sama ada kepada pengalaman umum atau otoriti yang boleh dipercayai”.

Daya pemikiran yang kreatif juga diberikan penekanan sesuai dengan tuntutan proses penjaan minda atau intelektual dalam konteks pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Penekanan daya pemikiran kreatif ini telah diperkenalkan melalui konsep Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam pengajaran dan pembelajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Konsep kreatif sebenarnya merujuk kepada keupayaan menghasilkan sesuatu yang baharu (Langgulung, 1991a; Hamid, 2001, 2004; Abdullah, 2005; Ahmad, 2011). Manakala kemahiran berfikir kreatif pula merujuk kepada “kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat generatif” (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002, p.3). Sehubungan itu, berfikir secara kreatif mengkehendaki seseorang menggunakan sikap yang dapat membantu untuk tujuan meneroka idea baharu dengan memanipulasi pengetahuan dan pengalaman yang sedia dimiliki (Mohd & Hassan, 1994) serta digabungkan bersama ilham (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Namun penghasilan sesuatu yang baharu itu perlu difahami dengan jelas dan betul lantaran tiada sesiapa pun yang mampu berbuat demikian melainkan Tuhan Yang Maha Pencipta (Langgulung, 1991a, 1991b; Hamid, 2001; Abdullah, 2005; Ahmad, 2011).

Seterusnya, konsep menjana minda dalam pernyataan FPKM juga diteguhkan melalui daya pemikiran inovatif. Ahmad (2011) menegaskan bahawa inovasi itu pada dasarnya adalah suatu bentuk kreativiti. Oleh itu, beliau menjelaskan bahawa konsep inovasi merujuk kepada keupayaan menghasilkan sesuatu yang baharu berdasarkan kepada perkara yang sedia ada (Ahmad, 2011). Inovasi juga ditanggapi oleh Hussin (2007) sebagai pembaharuan, modifikasi atau memperbaiki idea, benda, pemikiran dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi cita rasa tertentu atau memenuhi tuntutan pasaran. Kesan daripada penambahbaikan dan penyesuaian idea atau pemikiran tersebut, maka ia mewujudkan nilai tambah yang boleh dimanfaatkan serta dijadikan sebagai produk atau perkhidmatan yang mampu dikomersialkan (Ujang, 2010). Dengan itu, daya pemikiran inovatif yang diterapkan melalui pendidikan KM berupaya mempertingkatkan keupayaan para pelajar untuk melakukan sesuatu pembaharuan berdasarkan kerangka keilmuan yang benar bagi membolehkan terwujudnya suatu hasil yang bernilai tambah dan bermanfaat.

Sehubungan itu, daya pemikiran yang logik, kreatif dan inovatif merupakan aspek-aspek yang penting untuk diberi penekanan dalam pendidikan KM bagi mengukuhkan lagi

proses penajanaan minda. Ketiga-tiga aspek ini tidak terpisah secara mutlak malah berhubungkait antara satu sama lain dan saling lengkap melengkapi. Oleh yang demikian, pemupukan daya pemikiran logik, kreatif dan inovatif secara bersepadu penting dalam pendidikan KM sebagai usaha untuk mengembangkan daya pemikiran supaya pelajar mampu menghurai, mencerakin, menaakul, merumus dan menghasilkan idea-idea yang bernas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Jelasnya, pengukuhan kepada konsep menajana minda ini dimungkin melalui kualiti isi mata pelajaran yang diperolehi antaranya daripada kandungan novel dan kualiti pengajaran oleh para guru. Justeru, kandungan novel yang digunakan sebagai buku teks wajib sewajarnya berupaya untuk membangkitkan daya pemikiran para pelajar dan guru dengan ke arah pembentukan pemikiran yang logik, kreatif dan inovatif.

(iii) Usaha Memanfaatkan Ilmu Untuk Diri, Orang Lain dan Masyarakat

Konsep menajana minda dalam pernyataan FPKM juga diperkukuhkan melalui usaha memanfaatkan ilmu untuk diri, orang lain dan masyarakat. Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menjelaskan proses pendidikan merupakan penyepaduan di antara ilmu pengetahuan, amal, keyakinan dan keikhlasan. Dalam konteks pedagogi, penyepaduan ini terangkum dalam tiga kategori iaitu bidang kognitif, afektif dan psikomotor. Ketiga-tiga perlu diseimbangkan supaya proses pengajaran dan pembelajaran mendatangkan manfaat serta kesan positif kepada diri pelajar dalam memperbaiki kehidupannya.

Seterusnya, setiap ilmu pengetahuan wajib disusuli dengan amalan bagi memastikan ia dianggap sebagai ilmu yang bermanfaat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992; Al Ghazali, 2010). Dalam membahaskan hal ini, Al-Ghazali (1988) menegaskan bahawa setiap ilmu tanpa amal dilihat sebagai suatu bentuk perlakuan yang sia-sia manakala setiap amalan tanpa ilmu boleh diertikan sebagai tindakan yang gila. Sehubungan itu, amalan yang berpandukan ilmu yang benar dituntut sebagai asas dalam setiap tindakan bagi melahirkan pelbagai kebaikan dalam kehidupan. Perlu dipertegas bahawa usaha dan kesungguhan dalam amalan menimba, menghayati dan menyebarkan ilmu demi kemanfaatan diri dan orang lain perlu dilakukan secara berterusan dan tidak terhenti setelah tamat pendidikan formal (Daud, 2022). Amalan yang berpandu ilmu akan membuahkan hasil serta nilai tambah yang bermanfaat bukan hanya kepada diri, akan tetapi kepada pelbagai tingkat hubungan. Oleh yang demikian, usaha pemanfaatan ilmu itu sendiri seharusnya digunakan untuk memperbaiki kefahaman diri dalam pelbagai dimensi hubungan yakni hubungannya dengan Tuhan, hubungan sesama manusia dan masyarakat serta hubungannya dengan pelbagai unsur alam persekitaran yang lain (Ahmad, 1991).

Sebagai rumusan, ketiga-tiga ciri yang mendasari konsep menajana minda seperti yang telah dibahaskan di atas perlulah diberi penekanan dan diperkukuhkan secara menyeluruh melalui pernyataan FPKM dalam mata pelajaran KM. Ini bagi membolehkan para pelajar mampu menajana minda selari dengan perkembangan pemikirannya. Pemupukan nilai, semangat dan sikap agar sentiasa berusaha mencari dan mempertingkatkan ilmu yang benar perlu dipertingkatkan sebagai usaha melahirkan masyarakat sentiasa meletakkan nilai ilmu sebagai nilai tertinggi dalam segenap aspek kehidupan. Usaha tersebut juga diperkukuhkan melalui penerapan daya pemikiran yang logik, kreatif dan inovatif sebagai usaha memperkembangkan potensi intelek pelajar dalam melahirkan masyarakat yang mempunyai

kebolehan berfikir pada aras yang tinggi dan memanfaatkannya demi kebaikan diri peribadi, orang lain, masyarakat serta alam sekitar.

Selari dengan pemahaman beberapa ciri konsep menjana minda yang telah dibincangkan di atas, manusia bukan sahaja mendapat ilmu dengan akal semata-mata, tetapi melalui jiwa yakni aspek dalaman manusia atau rohani manusia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Hakikatnya, akal dan rohani bersifat saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Akal berperanan untuk berfikir dan membezakan sesuatu perkara yang baik dan buruk manakala jiwa atau rohani berperanan untuk menimbulkan keinsafan, menghidupkan semangat dan pengorbanan, mengarahkan diri untuk menghayati hidup yang mulia dan menikmati ketenangan jiwa. Oleh yang demikian, perbincangan selanjutnya akan menghuraikan konsep rohani yang terkandung dalam pernyataan FPKM.

Huraian Konsep Rohani Dalam Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM)

Secara etimologinya, istilah rohani terhasil daripada suatu istilah atau konsep yang dasar iaitu roh. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) roh bermaksud “yang dihembuskan oleh Allah S.W.T ke dalam badan manusia dan hiduplah ia”. Konsep rohani merupakan satu konsep yang bersifat dalaman yang berhubung kait rapat dengan kerohanian, keperibadian diri atau hakikat insan itu sendiri. Dari sudut ontologinya, hakikat insan merujuk kepada soal hakikat kejadian diri, tujuan kehidupan, kematian dan kehidupan sesudahnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Secara asasnya, manusia diciptakan daripada Tuhan yang Maha Pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Dari segi hakikat diri insan pula, intisari kejadiannya merupakan entiti sepadu yang merangkumi unsur-unsur rohani dan unsur jasmani. Walaupun manusia terbina daripada dua unsur tetapi unsur rohani merupakan unsur yang kekal kerana unsur ini berterusan walaupun unsur jasmani telah musnah. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menekankan prinsip keseimbangan terhadap rohani dan jasmani yang merujuk kepada hubungan antara manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam. Kefahaman terhadap perkara-perkara asas yang terkandung dalam ontologi tersebut perlu diberi penekanan kerana mampu membentuk pandangan hidup yang sempurna dalam diri manusia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Berdasarkan pemahaman tersebut, daripada sudut falsafah pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) mencirikan konsep rohani seperti berikut:

- i. menyedari dan menginsafi Hakikat Penciptanya;
- ii. menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta;
- iii. menyedari dan menginsafi tanggungjawab.

Keseluruhan ciri-ciri tersebut menjadi dasar kepada pengukuhan konsep kerohanian dalam sukatan pelajaran KM seperti yang terdapat dalam pernyataan FPKM.

(i) Menyedari dan Menginsafi Hakikat Pencipta

Ciri asas yang mendasari konsep rohani pernyataan falsafah pendidikan ialah menyedari dan menginsafi Hakikat Pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Dalam membahaskan ciri ini, Al-Attas (1978) yang berpandukan kepada surah Al-Araf ayat 172 dalam kitab Al-

Quran, menyatakan bahawa pada hakikat penciptaan insan terhasilnya daripada Perjanjian Asali (*al-mithaq*) antara diri pra-kewujudan (*pre-existent*) manusia dengan Tuhan. Beliau kemudiannya menjelaskan bahawa nama Islam itu sendiri sudah memberikan kefahaman tentang penyerahan diri insan kepada Tuhan dan perihal penyerahan diri tersebut merangkumi perasaan, iman dan perbuatan. Asas daripada tindakan penyerahan diri insan kepada Tuhan itu adalah disebabkan rasa berhutangnyanya kepada Tuhan yang menganugerahkan kewujudan (*existence*) diri manusia. Rasa berhutang ini meliputi pengenalan dan pengakuan akan Tuhan sebagai pemberi kewujudan yang merupakan syarat utama bagi penyerahan sejati (Al-Attas, 2001). Dengan sikap rasa keberhutangan itulah, setiap insan sewajarnya menyedari dan menginsafi kedudukannya sebagai hamba kepada Tuhan Maha Pencipta.

Dalam konteks kesusasteraan, pandangan Al-Attas diperkukuhkan oleh pandangan Hasjmy (1986a 1986b) yang menegaskan bahawa manusia (*sasterawan*) sewajarnya mengabdikan diri kepada Maha Pencipta bagi meninggikan martabat keperibadiannya. Beliau juga menegaskan pengabdian kepada Maha Pencipta telah merangkumi soal pengabdian kepada sesama manusia dan kepada masyarakat. Agama yang diturunkan oleh Allah SWT berupaya memenuhi keperluan hidup manusia yang merangkumi soal keperluan daripada aspek jasmani, rohani dan sosial. Hal yang sama juga turut diakui oleh Mohd. Affandi Hassan (2023) menegaskan bahawa kesusasteraan itu perlu “mengajarkan sesuatu yang benar, indah, harmonis, sempurna yang membuat manusia mengenal hakikat dirinya dan mengenal Allah” sekali gus mencerminkan “kebijaksanaan sejagat yang dapat dimanfaatkan oleh manusia”.

Seterusnya, penegasan ciri menyedari dan menginsafi Hakikat Pencipta dalam konsep kerohanian yang terdapat pada pernyataan FPKM ini dilihat selari dengan matlamat asas pendidikan negara yang berhasrat melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Penerapan ciri ini dalam kalangan pelajar akan menjadi faktor “penghalang kepada pertumbuhan sikap-sikap atheistik, agnostik, sinis, materialistik dan kemanusiaan sekular” (Hassan, 1988). Tambahan pula, penekanan ciri ini juga akan “menambahkan kesan iman kepada jiwa seseorang, memupuk akhlak mulia, menanamkan keyakinan tentang keperluan ilmu pengetahuan dan menyedarkan manusia tentang peranannya sebagai khalifah Tuhan” (Dalip, 1993). Oleh yang demikian, penerapan ciri menyedari dan menginsafi Hakikat Pencipta dalam pendidikan KM perlu diutamakan bagi memperkukuhkan lagi aspek kerohanian dalam kalangan pelajar dan guru.

(ii) *Menghargai dan Mensyukuri Pemberian Pencipta*

Konsep kerohanian dalam pernyataan FPKM seterusnya diperkukuhkan lagi melalui ciri menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Ciri kesyukuran menjadi signifikan lantaran ia merupakan salah satu daripada unsur nilai-nilai murni yang perlu ditekankan dalam keseluruhan pelaksanaan KBSM (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1992). Penghayatan terhadap nilai murni sebenarnya merangkumi juga nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan (Pa, 1994). Malah, pendidikan memainkan peranan yang sangat berpengaruh dalam usaha menanamkan nilai-nilai murni sebagai langkah melahirkan masyarakat yang kualiti moral, sahsiah dan kerohanian yang tinggi (Rashid, 2001).

Seterusnya, Al-Ghazali (1975) menjelaskan bahawa hakikat syukur itu dapat difahami melalui tiga perkara iaitu ilmu, keadaan dan amalan. Ilmu merupakan asas yang menimbulkan kesan kepada keadaan dan seterusnya amalan. Ilmu dalam konteks ini bermaksud mengenal dan menyedari akan sesuatu nikmat, pemberi nikmat dan penerima nikmat. Secara dasarnya, segala nikmat dan pemberian dalam kehidupan seharian manusia adalah datang daripada Tuhan Maha Pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Malah, segala apa yang diciptakan oleh Tuhan di dunia ini adalah nikmat untuk kepentingan seluruh hamba-Nya. Oleh itu, kesedaran asas tentang hakikat syukur pada aspek ilmu ini adalah mengakui bahawa hanya Tuhan merupakan Pemberi nikmat yang tunggal dan menghargai segalanya dengan sebaik mungkin.

Selanjutnya, penerimaan terhadap nikmat akan menghasilkan keadaan yang suka, senang dan gembira kepada penerima nikmat tersebut (Al-Ghazali, 1975). Keadaan gembira itu sewajarnya menjadikan seseorang hamba itu tunduk merendahkan dirinya kepada Tuhannya. Di samping itu, kegembiraan atas nikmat itu perlulah ditujukan kepada Tuhan Maha Pencipta, dan bukannya kepada nikmat itu semata-mata. Manakala amalan pula adalah bentuk perlakuan yang diusahakan untuk menjalankan tugas yang diperintahkan oleh Allah S.W.T yang telah mengurniakan nikmat tersebut (Al-Ghazali, 1975). Oleh yang demikian, rasa syukur terhadap keseluruhan nikmat yang diberikan oleh Tuhan Maha Pencipta perlu dizahirkan dalam bentuk amalan baik secara hati, lisan dan perlakuan anggota badan. Perlakuan yang merangkumi ketiga-tiga komponen secara sepadu wajar diterapkan dalam pendidikan KM agar sifat bersyukur terhadap pemberian Tuhan Maha Pencipta dapat disemai dalam kalangan guru dan pelajar.

(iii) Menyedari dan Menginsafi Tanggungjawab

Konsep kerohanian dalam pernyataan FPKM diperkukuhkan melalui ciri menyedari dan menginsafi tanggungjawab. Menurut Widagdho (1999), seseorang berkehendak untuk melakukan tanggungjawab kerana timbul kesedaran dan keinsafan atas segala perbuatan dan akibatnya demi kepentingan pihak lain. Timbulnya sikap bertanggungjawab dalam diri manusia kerana ia hidup dalam lingkungan masyarakat dan alam. Dengan itu, seseorang manusia tidak boleh melakukan sesuatu perkara sesuka hatinya terhadap manusia lain dan alam. Ini kerana setiap manusia dibebani dengan tanggungjawab atau taklif yakni “pembebanan hukum atas manusia” (Al-Dihlawi, 2005) berdasarkan tuntutan agama sebagai jalan menuju ke arah kebahagiaan. Manusia yang dicipta sebagai khalifah dan hamba kepada Tuhan, bertanggungjawab dalam memelihara dan memakmurkan alam serta menjaga keseimbangan dan kesejahteraan hidup sesama manusia dan alam sekitar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Seterusnya, ciri menyedari dan menginsafi tanggungjawab yang asas dalam memperkukuhkan konsep kerohanian dalam pernyataan FPKM ialah soal tanggungjawab kepada Tuhan. Menurut Daud (2000), mas’uliah atau sikap bertanggungjawab tidak dapat dicapai hanya melalui undang-undang dan prosedur pentadbiran kerana banyak perlakuan yang berlandaskan aspek tersebut bertentangan dengan sisi agama dan akhlak. Beliau menegaskan bahawa pencapaian dan peningkatan sikap bertanggungjawab pada peringkat tertinggi perlu melibatkan soal keyakinan yang mendalam dan teguh kepada Tuhan Maha Pencipta. Hal ini kerana tujuan sejati penciptaan insan adalah untuk menjalankan ibadah kepada Allah S.W.T dan sentiasa taat kepada-Nya (Al-Attas, 1978). Tanggungjawab tersebut

merupakan satu fitrah atau sifat asali insan. Kepatuhan terhadap fitrah ini akan membawa kepada ketenteraman diri manakala keingkaran terhadap fitrah ini akan membawa kepada kekacauan dan kebatilan terhadap sifat asali diri insan itu. Al-Attas (1978) juga menekankan bahawa penerimaan fitrah sebagai suatu cara hidup menjadikan soal pelaksanaan ibadah kepada Allah S.W.T menjadi aspek paling penting dalam kehidupan insan. Pelaksanaan ibadah ini merupakan manifestasi daripada penyerahan sejati kepada Tuhan yang tidak diungkapkan hanya melalui lisan dan kata-kata, tetapi melalui pengakuan terhadap aspek amalan yang sejajar dengan tuntutan agama. Pandangan yang sama turut disokong oleh Hasjmy (1986a) yang menegaskan bahawa penciptaan insan dilengkapi dengan naluri (fitrah) yang menyebabkan manusia berhajat ke sesuatu yang dapat memberi arah kepadanya dalam pelaksanaan pengabdian kepada Maha Pencipta.

Selain itu, ciri ini dapat dilihat melalui beberapa dimensi antaranya tanggungjawab kepada diri, tanggungjawab kepada keluarga, tanggungjawab kepada masyarakat, tanggungjawab kepada negara dan bangsa (Widagdho, 1999) serta tanggungjawab kepada alam sekeliling (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992) yang dilaksanakan sejajar dengan peranan, kedudukan dan keupayaan seseorang individu. Widagdho (1999) menegaskan tanggungjawab terhadap diri sendiri menuntut kesedaran setiap individu untuk memenuhi setiap kewajiban dirinya bagi memperbaiki diri ke arah kesempurnaan akhlak dan tanggungjawab kepada keluarga pula perlu dilaksanakan sesuai dengan tingkat peranan kepada setiap ahli keluarga. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menegaskan bahawa setiap individu sewajarnya menekan “prinsip persaudaraan kemanusiaan sejagat dan konsep kesepaduan manusia” dalam mempertingkatkan tanggungjawabnya kepada masyarakat. Aspek tanggungjawab terhadap alam sekitar juga perlu ditekankan agar setiap individu mempunyai rasa bertanggungjawab terhadap untuk mengekalkan keadaan keseimbangan terhadap alam khususnya sistem ekologi dan alam persekitaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Justeru, dalam usaha melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab melalui pendidikan kebangsaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) menegaskan bahawa setiap guru dan pelajar sewajarnya perlu “menyedari tugas dan tanggungjawab itu adalah amanah; menyedari tugas dan tanggungjawab mesti dilaksanakan dengan sempurna; menjalankan tugas dengan cekap, bersih dan amanah; sentiasa mempertingkatkan daya pengeluaran; mematuhi peraturan dan undang-undang negara serta berusaha memajukan diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara”. Oleh yang demikian, pendedahan dan penekanan terhadap ciri menyedari dan menginsafi tanggungjawab ini perlu dipertingkatkan dalam mata pelajaran KM bagi membolehkan usaha tersebut menepati dengan matlamat pendidikan KM sekali gus mencapai hasrat negara dalam usaha melahirkan masyarakat Malaysia yang mempunyai sikap tanggungjawab yang tinggi.

Sebagai rumusan, konsep kerohanian yang ditekankan dalam pernyataan FPKM jelas mengisytiharkan betapa pentingnya ciri-ciri soal kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan menjadi aspek yang mendasar dalam mata pelajaran KM. Selain itu, penekanan terhadap sikap bersyukur pada segala nikmat yang diberikan oleh Tuhan Maha Pencipta serta sikap bertanggungjawab untuk menunaikan setiap amanah yang diberikan mampu memperkukuhkan lagi aspek kerohanian dalam konteks pendidikan KM. Selain daripada konsep rohani, pernyataan FPKM juga diperkukuhkan dengan satu lagi aspek dalaman insan

yang penting iaitu konsep emosi. Perbincangan selanjutnya akan membincangkan tentang penghuraian konsep emosi yang mendasari kefahaman penting dalam mata pelajaran KM.

Huraian Konsep Emosi Dalam Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM)

Menurut Mohamed (1990) istilah emosi berasal dari perkataan Greek “*emovere*” yang membawa maksud “untuk keluar”. Hamid (2004) yang merujuk *The Oxford Dictionary of Current English* menjelaskan bahawa emosi ditakrifkan sebagai perasaan yang kuat dari dalaman terutamanya daripada aspek mental atau naluri seperti kasih sayang atau takut. Manakala *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) mentakrifkan emosi sebagai perasaan jiwa yang kuat seperti sedih, gembira, takut dan sebagai. Oleh itu, secara ringkasnya, dapatlah difahami bahawa emosi merujuk kepada entiti jiwa manusia yang berupaya menzahirkan perasaan yang kuat daripada unsur dalaman manusia berdasarkan kepada situasi tertentu.

Seterusnya, emosi manusia pada amnya mempunyai unsur-unsur positif dan negatif (Mohamed, 1990). Dengan itu, seseorang manusia terdedah kepada kecenderungan untuk mempunyai emosi yang positif dan negatif pada sesuatu masa. Dalam pada masa yang sama, emosi juga sering digunakan untuk menerangkan soal tingkah laku seseorang manusia sama ada waras mahupun tidak. Ketidaksedaran terhadap perasaan diri sendiri akan menatijahkan ketidaksedaran terhadap kualiti kehidupan manusia (Viscott, 1976). Sehubungan itu, Mayor dan Salovey (1997) menegaskan bahawa individu yang memiliki kepintaran emosi mampu menguasai empat aspek iaitu mengenali pasti emosi, menggunakan emosi, memahami emosi dan mengawal emosi. Jelasnya, seseorang yang berupaya kenal akan emosinya, menggunakan emosi dengan sebaiknya, memahami secara mendasar emosinya dan mengawal emosi pada setiap keadaan dilihat mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi.

Justeru, dalam memahami konsep emosi daripada sudut falsafah pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) mencirikan emosi antaranya kepada tiga ciri utama iaitu:

- i. perasaan tenang dan tingkah laku terkawal;
- ii. memiliki dan memupuk perasaan kasih sayang;
- iii. memiliki semangat kekitaan dan perpaduan.

(i) Perasaan Tenang dan Tingkah Laku Terkawal

Pusat Perkembangan Kurikulum (1988) menegaskan perasaan tenang dan tingkah laku terkawal ini penting bagi membolehkan seseorang mewujudkan keadaan seimbang dan harmonis untuk mewujudkan sahsiah yang sepadu. Ketenteraman dan ketenangan jiwa dapat dinikmati dengan memberikan penekanan terhadap aspek kesabaran dan kesyukuran dalam menghadapi serta menerima segala ujian dan cabaran hidup serta sentiasa berikhtiar untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi dengan tenang.

Seterusnya, Othman (2006) menyatakan kecerdasan emosi seseorang berkait rapat dengan soal akhlak yang mulia yang dapat diperolehi melalui ajaran agama khususnya agama Islam. Agama Islam sememangnya memberikan perhatian khusus dalam mendidik jiwa iaitu emosi dan perasaan supaya dapat mencapai peringkat kebahagiaan jiwa yang paling tinggi. Seseorang yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi serta mengenali dirinya sebagai sebagai hamba Allah S.W.T dapat menempatkan dirinya pada jiwa yang tenang sekali gus berupaya mengawal tingkah lakunya ke arah akhlak yang mulia.

Selain itu, Hamka (Hikmah, 2009) yang berpandukan Al-Quran menjelaskan nafsu mutmainnah yang sering dikaitkan dengan kejiwaan manusia merupakan tingkat keperibadian (jiwa) yang telah mencapai ketenangan dan kententeraman. Jiwa yang tenang atau mutmainnah ini merupakan puncak kesempurnaan dan kebaikan nafsu manusiawi (Hikmah, 2009). Individu yang berjiwa atau berperasaan tenang akan mampu mengawal dirinya dalam apa jua keadaan di samping mampu berfikir secara rasional dan menghadirkan keseimbangan dalam dirinya. Ia juga mampu mengawal tingkah lakunya selari dengan tuntutan agama demi kebaikan dirinya dan kebaikan masyarakat serta alam sekitar (Hikmah, 2009).

(ii) Memiliki dan Memupuk Sikap Kasih Sayang

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (1992) konsep emosi antara lain diperkukuhkan melalui ciri memiliki dan memupuk sikap kasih sayang. Secara asasnya, Abdul Rahman al Nahlawi (Ashaari, 2001) menjelaskan sifat sayang adalah fitrah yang dikurniakan oleh Allah S.W.T kepada manusia. Dengan itu, setiap manusia dilengkapi dengan sifat kasih sayang secara tabii sekali gus berupaya menimbulkan sikap kasih sayang pada pelbagai keadaan dan masa serta pelbagai tingkat perhubungan seharian.

Seterusnya, menurut Rashid (1993) nilai kasih sayang merupakan salah satu nilai yang penting dan universal dalam kehidupan manusiawi. Nilai kasih sayang wujud tanpa mengira batasan masyarakat walaupun ia mungkin ditafsirkan secara berbeza antara satu budaya dengan satu budaya yang lain. Sebagai nilai yang universal, nilai kasih sayang dilihat mampu mendorong masyarakat ke arah kestabilan sosial dan pencapaian tamadun yang luhur. Selain itu, nilai kasih sayang mampu mencorakkan tingkah laku yang positif dalam kalangan pelajar sejajar dengan pengawalan emosi yang stabil.

Marslow (1954) pula berpandangan bahawa kasih sayang merupakan salah satu daripada keperluan hidup asasi manusia yang perlu dipenuhi dalam menuju ke arah kesempurnaan sendiri. Manusia secara asasnya mempunyai keinginan untuk menyayangi dan disayangi. Keperluan terhadap kasih sayang ini berhubungkait secara rapat dengan hubungan emosi secara umum melalui hubungan persahabatan, keintiman dan kekeluargaan. Tanpa nilai kasih sayang manusia akan berasa keseorangan dan terasing. Seseorang individu yang mempunyai sikap lebih mengambil berat terhadap sesuatu perkara akan lebih memberi kasih sayang kepada orang lain untuk memenuhi kepuasan sendiri. Tambahan lagi, seseorang individu yang mempunyai rasa kesempurnaan sendiri yang tinggi dilihat lebih matang dalam menjalankan hubungan dengan individu lain.

Kepentingan memiliki dan memupuk sikap kasih sayang dalam aspek pendidikan mampu memperkukuhkan emosi seseorang individu. Shamshudin Hussin (1990) menegaskan bahawa kasih sayang dalam kehidupan manusia dijalinan bagi bertujuan untuk menghasilkan perhubungan yang erat dan mewujudkan kepuasan emosi. Dalam konteks KBSM, penekanan terhadap nilai sikap kasih sayang ini dilihat begitu signifikan lantaran ia termaktub sebagai salah satu nilai yang penting dalam unsur nilai-nilai murni (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Nilai kasih sayang merupakan nilai murni yang merangkumi perasaan manusia ke atas segala-gala perkara yang terdapat di dalam kehidupan (Sadini, 1990). Sehubungan itu, nilai kasih sayang ini bukanlah hanya melibatkan soal hubungan sesama manusia malah dimensi

kasih sayang ini berhubungkait secara menyeluruh yakni kepada Tuhan, keluarga, masyarakat, haiwan, alam semulajadi, dan negara.

(iii) Memiliki Semangat Kekitaan dan Perpaduan

Pengawalan emosi ke arah perlakuan yang mendukung semangat kekitaan dan perpaduan sebenarnya merupakan matlamat yang mendasari matlamat pendidikan kebangsaan secara keseluruhannya. Semangat perpaduan merujuk kepada ciri-ciri afektif individu yang meliputi perasaan, emosi, sentimen, sikap dan nilai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1979). Penyepaduan ciri-ciri afektif serta pemupukan nilai-nilai murni dilihat mampu mendidik para pelajar ke arah perpaduan negara dan mengetepikan unsur-unsur perkauman (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1979). Aspek perpaduan dengan kurikulum kebangsaan berhubungan secara rapat bagi membolehkan melahirkan lapisan masyarakat Malaysia yang lebih bersatu padu. Hal ini boleh diperhatikan melalui *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1979) yang menjelaskan:

Hubungan kurikulum sekolah dengan perpaduan negara adalah rapat, dan ini adalah kerana selain daripada memberi ilmu pengetahuan, kurikulum itu boleh juga membentuk keperibadian dan perwatakan murid yang baik yang boleh membawa ke arah perpaduan. Murid-murid sekolah dari semua kaum dan lapisan masyarakat mengikuti kurikulum yang seragam melalui sukatan pelajaran yang sama kandungannya, kegiatan-kegiatan luar bilik darjah yang sama dan juga mengambil peperiksaan awam yang sama.

Seterusnya, pengukuhan konsep emosi melalui ciri memiliki semangat kekitaan dan perpaduan dilihat sangat rapat dalam pendidikan KM. Ini kerana kesusasteraan Melayu itu sememangnya berupaya menjadi mekanisme untuk menjalin hubungan harmoni, toleransi dan muhibah antara kaum (Thani, 1990; Asmiaty, 2000). Menurut Peng (2008) sastera perpaduan itu dilihat penting untuk ditekankan dalam pendidikan KM kerana konsep tersebut boleh menjadi “satu mekanisme untuk mewujudkan perpaduan antara kelompok masyarakat berbagai latar belakang berdasarkan prinsip-prinsip yang dikongsi bersama dari segi sosial dan budaya sehingga terbentuknya perasaan toleransi dan perkongsian hidup bagi menyatukan masyarakat yang berbilang kaum, seterusnya melahirkan satu sentimen kebangsaan di negara ini”.

Seterusnya, konsep emosi melalui pemupukan semangat kekitaan dan perpaduan diperkukuh juga melalui pengintegrasian sistem nilai yang terdiri daripada beberapa nilai-nilai murni seperti baik hati, hormat-menghormati, semangat bermasyarakat, dan kerjasama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992). Penyepaduan nilai-nilai murni tersebut dalam semangat kekitaan dan perpaduan akan membuahkan perhubungan kemanusiaan yang erat serta sikap keprihatinan yang tinggi dalam sistem kemasyarakatan yang berbilang kaum dan bangsa. Martin (Peng, 2010) menegaskan bahawa perkongsian nilai murni dapat menanam toleransi rakyat bagi mencegah prasangka antara kaum. Oleh yang demikian, penerapan segala nilai-nilai murni yang mendorong ke arah semangat kekitaan dan perpaduan perlu dipertegas melalui kurikulum KM bagi menjalin keharmonian kehidupan masyarakat yang berbilang kaum di negara ini.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, keseluruhan konsep menjana minda, rohani dan emosi merupakan konsep yang saling bersaling berkait dalam suatu bentuk kesepaduan yang utuh. Setiap konsep tersebut perlu diberikan penekanan secara seimbang dalam mata pelajaran KM sebagai asas bagi mencapai matlamat pendidikan KM. Sehubungan itu, isi kandungan mata pelajaran KM yang diperoleh daripada karya kreatif sewajarnya mengandungi segala maklumat serta nilai yang memperkukuhkan keseluruhan konsep-konsep yang telah dibincangkan di atas.

Rujukan

- Abdullah, A. R. H. (2005). *Wacana falsafah ilmu: Analisis konsep-konsep asas dan falsafah pendidikan negara*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Adnan, I. H. (2000). Pendekatan bersepadu dalam pendidikan kesusasteraan Melayu. In Puteh, O. (Ed.), *Pengajaran sastera*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, A. H. (1989). *Falsafah Pendidikan Kesusasteraan*. Kertas Kerja Seminar Sastera Dalam Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 17-18 Julai.
- Ahmad, H. H. (1991). Pendidikan di Malaysia: Suatu tinjauan kronologis. In Mohd. Jauzi, M. I. (Ed.), *Reformasi pendidikan di Malaysia*. Nurin Enterprise.
- Ahmad, M. A. (2011). Faham kreativiti dan inovasi Menurut Islam. In Sobian, A. (Ed.), *Islam, kreativiti dan inovasi*. Penerbit IKIM.
- al-Attas, S. M. N. (1978). *Islam and secularism*. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- al-Attas, S. M. N. (2001). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. International Institute of Islamic Thought And Civilization (ISTAC).
- al-Dihlawi, S. W. (2005). *Argumen puncak Allah: Kearifan dan dimensi batin syariat* (N. Hidayat & C. R. B. Anwar, Trans). PT Serambi Ilmu Semesta.
- al-Ghazali. (1975). *Taubat, Sabar dan Syukur* (Nurhickmah & R. H. A. Suminto, Trans). Penerbit Tintaemas.
- al-Ghazali. (1988). *Ihya Ulumiddin* (Vol. 1). Victory Ajensi.
- Alias, M. H. (2005). *Kesesuaian novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. [Tesis Doktor Falsafah Tidak Terbit]. Universiti Putra Malaysia.
- Amat, A. (2000). *Hubungan kaum dalam novel Melayu pascamerdeka 1957-1969*. Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS. Penerbit Universiti Malaysia Sabah
- Ashaari, M. (2001). Strategi pendekatan penyayang dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(3), 1-8.
- Baharuddin, S. A. (2007). *Budaya yang tercabar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beck, I. L. (1989). Reading and reasoning. *The Reading Teacher*, 42(9), 676-682.
- Dalip, A. R. (1993). Peranan pendidikan sepadu membentuk ummah dan masyarakat: Teras KBSM. In Kamis, A. (Ed.), *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan maklum balas*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Daud, W. M. N. W. (2000). Sikap bertanggungjawab (Mas'uliah) dari sudut agama, sejarah dan pendidikan. *Jurnal PEMIKIR*. Oktober-Disember.
- Daud, W. M. N. W. (2006). *Masyarakat Islam Hadhari: Suatu tinjauan epistemologi dan kependidikan ke arah penyatuan pemikiran bangsa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daud, W. M. N. W. (2019). *Budaya ilmu: Makna dan manifestasi dalam sejarah dan masa kini* (3rd ed.). CASIS-HAKIM.
- Daud, W. M. N. W. (2022). Hubungan falsafah dan pendidikan di Malaysia. In Jauzi, M. I. (Ed.) *Reformasi pendidikan di Malaysia*. Nurin Enterprise.

- Hamid, M. A. A. (2001). *Pengenalan pemikiran kritis & kreatif*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hamid, M. A. A. (2004). *Kreativiti: Konsep, teori dan praktis*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasjmy, A. (1986a). Sastera dan agama. In Hussein, I. (Ed.), *Sastera dan agama*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasjmy, A. (1986b). Sasterawan sebagai Khalifah Allah. In Hussein, I. (Ed.), *Sastera dan Agama*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, M. A. (2023). *Pendidikan estetika daripada pendekatan tauhid* (2nd ed.). Wadi al-Irfan.
- Hassan, M. K. (1988). *Pendidikan dan pembangunan satu perspektif bersepadu*. Nurin Enterprise.
- Hassan, M. Z. (2015, Jun). Falsafah pendidikan kesusasteraan Melayu: Ayam tak patuk, itik tak sudu. *Dewan Sastera*, 10-14.
- Hassan, M. Z., Rani, M. Z. A., Muhammad, S. J. N., & Mohamad, A. H. (2022). Kesejajaran matlamat falsafah pendidikan kebangsaan dengan falsafah pendidikan kesusasteraan Melayu: Suatu penelitian awal. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 8(2), 1-11.
- Hikmah, A. (2009). *Konsep jiwa yang tenang dalam Al-Quran* [Tesis Sarjana]. Fakultas Ushuluddin: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga. <http://digilib.uin-suka.ac.id/3894/1/BAB%20I,V,%20DAFTAR%20PUSTAKA.pdf>
- Hussin, S. (1990). *Kasih dan sayang – Implikasi kepada kesejahteraan manusia sejagat*. Kertas Kerja Seminar Kaunseling Dan Kemanusiaan Ke-2. Anjuran Unit Kaunseling & Kerjaya, Universiti Pertanian Malaysia, Selangor, 15-16 Disember.
- Hussin, S. (2007). Inovasi ke arah pembangunan pendidikan dinamik. In Sufean Hussin (Ed.), *Inovasi dasar pendidikan: Perspektif sistem dan organisasi* (2nd ed.). Universiti Malaya.
- Ismail, M. Z. (2009). Faham ilmu dalam Islam: Pengamatan terhadap tiga takrifan utama ilmu. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam (AFKAR)*, 10, 39-59.
- Kamus Dewan. (2005). *Edisi keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1979). *Laporan jawatankuasa kabinet mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1992). *Pukal latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah: Falsafah pendidikan negara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Langgulung, H. (1991a). *Kreativiti dan pendidikan: Suatu kajian psikologi dan falsafah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Langgulung, H. (1991b). Falsafah pendidikan di Malaysia: Suatu analisis permulaan. In Jauzi, M. I. (Ed.), *Reformasi pendidikan di Malaysia*. Nurin Enterprise.
- Marslow, A. H. (1954). *Motivation and personality*. Harper & Row Publishers.
- Mat, N. (2009). Kurikulum pendidikan kesusasteraan Melayu: Antara falsafah, pengisian dan harapan. In Kuntum, N., Shafie, M. & Zainudin, A. S. (Ed.), *Kesusasteraan Melayu dalam rentas-ilmu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mayor, J. D., & Salovey, P. (1997). *What is emotional intelligence?* Basic Books.
- Mohamed, M. N. (1990). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa dan tingkah laku manusia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd., A., & Hassan, A. (1994). *Teknik berfikir: Konsep dan proses: 15 cara berfikir untuk menjana idea-idea kreatif*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad, A. (1997). Logik dan pengembangan intelektual. *Al-Hikmah*, 3, 2-5.

- Othman, M. F. (2006). Menghayati Islam dapat meningkatkan EQ. In Hamid, M. A. A. (Ed.), *EQ: Panduan meningkatkan kecerdasan emosi* (3rd ed.). PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Pa, N. A. N. (1994). *Penghayatan wawasan pembangunan negara*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Peng, C. F. (2008). *Sastera kebangsaan, pendidikan sastera dan pembinaan negara*. Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.
- Peng, C. F. (2010). Penerapan nilai-nilai murni menerusi KOMSAS dalam sistem pendidikan Malaysia. *Jurnal SOSIOHUMANIKA*, 3(1), 123-142.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2001). *Falsafah pendidikan kebangsaan, matlamat dan misi kementerian pendidikan Malaysia*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2002). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1992). *Buku penerangan kurikulum bersepadu sekolah menengah*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003a). *Huraian sukatan pelajaran kurikulum bersepadu sekolah menengah kesusasteraan Melayu*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003b). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah sukatan pelajaran kesusasteraan Melayu*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rajendran, N. S. (2000). *Kesusasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi*. [Dalam Talian] <http://nsrajendran.tripod.com/Papers/sasteraHOTskills.pdf>
- Rashid, A. R. A. (1993). *Pendidikan nilai merentasi kurikulum KBSM*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rashid, A. R. A. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rokimin, M. (1997). *Mereka yang tertewas: Satu kajian teks dan hubungannya dengan latar belakang sosial pelajar*. [Tesis Doktor Falsafah Tidak Terbit]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sadini, M. D. (1990). *Pemupukan nilai-nilai murni (kasih & sayang) di kalangan warga muda Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Kaunseling Dan Kemanusiaan Ke-2. Anjuran Unit Kaunseling & Kerjaya, Universiti Pertanian Malaysia, Selangor, 15-16 Disember.
- Salleh, A. H. (1989). *Sastera dalam pendidikan*. Kertas Kerja Dasar Seminar Sastera Dalam Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 17-18 Julai.
- Shahrar, M. F. (2000). Logik dalam tradisi ilmu Islam. *Al-Hikmah*, 1, 18-25.
- Sudin, H. (1993). *Pendidikan sastera dalam KBSM*. Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Thani, A. M. (1990). *Integrasi sosial dalam kesusasteraan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ujang, Z. (2010). *Budaya inovasi: Prasyarat model baru ekonomi*. Penerbit UTM.
- Viscott, D. (1976). *The language of feelings*. Arbor House.
- Widagdh, D. (1999). *Ilmu budaya dasar*. Penerbit Bumi Aksara.
- Zam, M. I. Z. (1983). *Falsafah dan matlamat pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah*. Kertas Kerja Simposium Pendidikan Kesusasteraan Melayu Sekolah Menengah. Pusat Perkembangan Kurikulum, 4-5 April.